

18/08/2002

Myanmar terus membangun dan terbuka, potensinya besar dan cerah

SATU keberhasilan dan kesenangan dalam pengembaraan ialah bahasa Inggeris difahami di seluruh pelosok dunia. Buku, majalah dan akhbar dalam bahasa Inggeris mudah didapati baik oleh penerbitan tempatan mahupun asing.

Di Yangon, ibu negara Myanmar, tidak menghairankan kerana Burma (namanya dahulu) sebelum kemerdekaannya pada 4 Januari 1948 adalah tanah jajahan British. Bermula pada peperangan Anglo-Burmese tahun 1824-1826, British menakluk seluruh Burma, 62 tahun kemudian.

Myanmar tidak menjadi anggota Komanwel seperti kita, India, Pakistan dan bekas tanah jajahan British yang lain. Myanmar kini dianggap mempunyai penduduk hampir 49 juta orang terdiri daripada 87 peratus penganut agama Buddha, Kristian 6 peratus, Islam 4 peratus, Hindu 1 peratus dan bakinya kepercayaan lain.

Dulu demokrasi tetapi bermula pada tahun 1962, negara itu di bawah pemerintahan tentera. Pada pilihan raya umum 1990 Liga Demokrasi Kebangsaan (National League of Demokrasi-NLD) memenanginya, tetapi tidak dibenar mengambil alih kuasa oleh tentera walaupun yang menganjurkan pilihan raya itu pemerintahan tentera sendiri.

Ketua NLD, Daw Aung San Suu Kyi telah ditahan di rumahnya sendiri tetapi kini tidak lagi.

Petang ini Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ditemani isterinya, Datin Seri Siti Hasmah Mohamad Ali tiba di Yangon untuk lawatan kerja dua hari membalas kunjungan Ketua Pemerintah Myanmar Jeneral Kanan Than Swee ke Kuala Lumpur September tahun lalu dan bagi meluaskan hubungan bisnes dan dagangan antara kedua-dua negara.

Dr Mahathir dipandang sebagai sahabat akrab Myanmar oleh kerana Myanmar diterima sebagai anggota Asean tahun 1997 atas desakan kuat Dr Mahathir, terutamanya.

Tegas akhbar mingguan The Myanmar Times "Dr Mahathir telah menjalin hubungan rapat dengan pemimpin-pemimpin tentera dan pemerintah. Dr Mahathir menyokong kuat mereka".

Saya dapati Myanmar telah banyak melalui perubahan dan kemajuan semenjak lawatan saya mengiringi Tun Razak ke sini dalam pertengahan 60-an yang membawa kami selain ke Yangon, ke Mandalay, ibu kota Burma sewaktu ia sebuah monarki, Taunggyi dan dua tiga daerah lagi termasuk ke Maktab Turus Angkatan Tentera Burma di Pyin O Lwin (dulu Mamyo; kini Maktab itu telah dipindah ke Yangon).

Semasa Jeneral Ne Win mula berkuasa pada 1962, Burma mengikut apa yang digelar Ne Win sebagai "Buddhist Socialism" - Burma terkecuali antara dua blok kapitalis dan komunis, Burma tertutup, bisnes dan industri dihaknegerakan, yakni tiada pasaran ekonomi bebas.

Ne Win meletak jawatan setelah berkuasa selama 26 tahun dan penggantinya Jeneral Saw Maung menukar nama Burma kepada Myanmar pada tahun 1989. Semenjak tahun 1992 Than Swee berkuasa. Banyak pembangunan dan kemajuan - pelancongan dan modal asing digalakkan. Ekonomi Myanmar makin terbuka begitu juga keadaan dalaman secara berperingkat sejak Than Swee memerintah.

Britain, Singapura, Thailand, Malaysia dan Amerika Syarikat adalah negara utama yang melabur di Myanmar. Antara pelabur kita ialah Petronas yang mempunyai pejabat di sini dan sebuah hotel-apartmen MiCasa dibangun dan dikendalikan oleh rakyat Malaysia.

Hasil daripada lawatan Dr Mahathir ini dijangka membuka lebih banyak

peluang untuk syarikat/pertubuhan Malaysia.

Akhir-akhir ini, Myanmar menjadi tumpuan beberapa pemimpin tertinggi asing. Awal bulan ini, Menteri Luar Jepun, Cik Yoriko Kawaguchi telah melawat Yangon - lawatan pertama oleh seorang menteri kanan Jepun dalam masa 20 tahun dan hari ini Dr Mahathir pula. Kenapa?

Kata kawan-kawan di sini, jelas menunjukkan Myanmar kian meraih keyakinan antarabangsa yang akan membawanya ketengah arena politik dan ekonomi dunia dan bukti Myanmar mahu menyertai arus perdana Asean.

Saya dapati kenyataan Suu Kyi seperti dilaporkan oleh Menteri Luar Jepun bahawa pemimpin NLD itu tidak lagi membantah kehadiran pelabur dan juga bantuan asing sekiranya kedua-dua itu dilakukan dengan telus dan ada akauntabiliti yang sewajarnya; amat menggalakkan - satu berita terbaik bagi negara dan rakyat Myanmar.

Tan Sri Razali Ismail, wakil khas Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) ke Myanmar, "orang tengah" dalam perundingan antara NLD dan pimpinan tentera Myanmar telah menegaskan (setelah melawat Yangon lapan kali dan bertemu Suu Kyi dan pemimpin-pemimpin tentera) bahawa Suu Kyi sudah bersedia untuk bekerjasama dengan pemerintah tentera bagi kebaikan masa depan Myanmar dan rakyatnya serta kelahiran - secara evolusi - pemerintahan demokrasi.

Ini adalah hasil kebebasannya dan juga dari lawatannya ke wilayah-wilayah lain di Myanmar. Jelas sudah ada pembaharuan, perubahan dan pembangunan di Myanmar.

Razali nampak gembira apabila dia bercakap dengan saya minggu lepas - masa depan politik Myanmar nampak cerah. Sungguh pun begitu, Razali juga berhati-hati, dengan harapan yang tidak keterlaluan.

Lima enam bulan dahulu, keadaan dan perkembangan tidak begini cerah. Nyata kedua-dua belah pihak telah bersedia mencari penyelesaian agar Myanmar dan rakyatnya melangkah ke arah baru.

Myanmar adalah sebuah negara yang kaya dan subur dengan hasil bumi yang masih menunggu dimajukan. Taraf hidup orang Myanmar tidak setinggi kita atau Singapura tetapi mereka tidak menghadapi sebarang kekurangan terhadap barangan asas. Sara hidup tidak tinggi. Membeli belah murah kalau tahu caranya.

Lazimnya orang Myanmar - lelaki dan perempuan - baik di pejabat atau di luar memakai kain pelikat atau sarung dengan baju seakan baju Melayu bagi lelaki dan wanita pula sarung dan blaus.

Apa yang menarik ialah rata-rata bandar dan kampung bersih. Orang Myanmar rajin menyuci halaman rumah, lorong dan jalan. Kata seorang, secara sinis - mungkin kerana mereka tidak banyak kerja. Pengangguran agak tinggi tetapi saya dapati mereka memang suka kepada kebersihan. Mereka melaksana kepercayaan bahawa kebersihan itu adalah sebahagian daripada iman mereka.

Setiap kali saya bicara mengenai Myanmar, saya akan teringat dua nama yang terkenal pada tahun 50-an dan 60-an. U Ba Swee, timbalan perdana menteri Burma yang saya bertemu dalam satu jamuan makan malam oleh Tunku Abdul Rahman Putra bagi merainya di Kuala Lumpur tahun 1959 waktu saya baru berusia 21 tahun dan tahun kedua menjadi pemberita Straits Times. Satu lagi ialah diplomat Burma ternama, U Thant, Setiausaha Agung PBB.

Nama U Thant tidak tertonjol bahkan tidak dikenali oleh generasi muda Myanmar sungguh pun dia anak jati Myanmar dan orang Asia terulung hingga sekarang memegang jawatan Setiausaha Agung PBB. Tiada nama jalan atau sekolah diabadikan bagi memperingatinya di tanah tumpah darahnya sendiri. Sebaliknya, namanya diabadikan oleh Malaysia yang memberi nama sebahagian Ampang Hilir sebagai Jalan, Lorong, Taman dan Lingkungan U Thant, satu kawasan dulu dan kini yang diduduki oleh duta-duta dan diplomat asing.

Kenapa? Nanti satu hari saya akan menuliskannya.

